



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH BILANGAN 1 TAHUN 2010

PINDAAN SYARAT SKIM PEMBIAYAAN KOMPUTER BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM

1. TUJUAN

Surat Pekeliling Ketua Pengarah ini bertujuan untuk meminda syarat Skim Pembiayaan Komputer bagi anggota Perkhidmatan Awam.

2. LATAR BELAKANG

Pekeliling Ketua Pengarah Bil.1 Tahun 1994 bagi menjelaskan syarat skim pembiayaan komputer akan ditawarkan kepada semua anggota Perkhidmatan Awam yang bertaraf tetap dan dibenarkan membuat pinjaman komputer setiap lima tahun sekali. Amaun pembiayaan maksimum adalah sebanyak RM5,000.00.

3. SYARAT BARU

Terdapat beberapa pindaan terhadap Pekeliling Ketua Pengarah Bil.1 Tahun 1994 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil.8 Tahun 1992. Pindaan yang terlibat adalah sepertimana berikut:

3.1 Perenggan baru 2.1 Pekeliling Perbendaharaan Bil.8 Tahun 1992 hendaklah dibaca seperti berikut:

“Skim pembiayaan ini akan ditawarkan kepada semua anggota Perkhidmatan Awam yang bertaraf tetap dan dibenarkan membuat pinjaman komputer setiap tiga (3) tahun sekali. Amaun pembiayaan maksimum adalah sebanyak RM5,000.00. Permohonan baru hanya boleh diluluskan selepas tiga (3) tahun dikira mulai tarikh kelulusan sebelumnya dengan syarat pinjaman yang ada telah diselesaikan”

3.2 Tafsiran baru “membeli / pembelian komputer” di perenggan 3.1 Pekeliling Perbendaharaan Bil.8 Tahun 1992 hendaklah dibaca seperti berikut:

“membeli / pembelian komputer bererti pembelian komputer baru termasuk perkakasan dan perisiannya atau pembelian perkakasan dan perisian bagi tujuan peningkatan komputer pada masa pembelian itu dibuat.”

3.3 Perenggan baru 7.2 Pekeliling Perbendaharaan Bil 8 Tahun 1992 hendaklah dibaca seperti berikut:

“Amaun pembiayaan ini boleh digunakan untuk membeli komputer baru iaitu komputer peribadi, komputer riba termasuk pembelian pencetak dan pengimbas”

3.4 Syarat-syarat lain seperti yang dinyatakan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil 8 Tahun 1992 dan Pekeliling Ketua Pengarah Bil.1 Tahun 1994 adalah dikekalkan.

4. KEPUTUSAN

Adalah diputuskan bahawa Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.10 Tahun 2009 diterimapakai oleh LPP.

5. TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling Ketua Pengarah ini berkuat kuasa mulai **01 Januari 2010**

Sekian,terima kasih

Tema Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2009
“PERTANIAN MENJANA EKONOMI NEGARA”

(MARIAM MAS BINTI YAACOB)

Ketua Pengarah

Lembaga Pertubuhan Peladang

Januari 2010

Edaran kepada:

- Semua Timbalan Ketua Pengarah
- Semua Pengarah Bahagian
- Semua Pengarah LPP Negeri
- Pengurus Cawangan Audit Dalam
- Ketua Cawangan Undang-Undang